

Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,
Di Upacara Merasmikan Seminar Perkembangan Sektor Pertanian
pada 7hb. Disember, 1971, Di Dewan Tengku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas penghormatan kepada saya sambil mengucapkan selamat datang kepada semua para peserta Seminar Perkembangan Sektor Pertanian ini.

Tidak syak lagi Seminar ini amat besar maknanya kepada saudara-saudara kerana tugas sehari-hari tentu melibatkan saudara-saudara secara langsung atau tidak langsung, dengan soal perkembangan pertanian di Negara ini. Objektif Seminar ini sesuai betul dengan kehendak Kerajaan dan saya sendiri telah mengarahkan supaya menumpukan usaha kepada sektor pertanian khususnya kepada petani dan peladang yang kecil serta nelayan-nelayan, kerana mereka inilah golongan rakyat yang patut mendapat keutamaan didalam rancangan pembangunan Negara keseluruhnya.

Kepada para peserta, Seminar ini merupakan satu forum dimana saudara-saudara akan berpeluang bertukar-tukar fikiran dan pengalaman serta berbincang diatas implikasi perkembangan yang akan timbul di lapangan sosial dan ekonomi dalam sektor pertanian. Saya harap perbincangan-perbincangan akan ditujukan untuk mencapai dan menyediakan rancangan-rancangan yang "intergrated" yang sesuai untuk dilaksanakan kelak.

Kita sedia maklum, Rancangan Malaysia Kedua akan memasuki tahun kedua tidak lama lagi. Tahun yang akan berlaku ini memberikan pengalaman baru dalam usaha kita menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat keseluruhnya serta membawa harapan kehidupan modern dan maju kepada mereka.

Dalam hubungan ini, Sektor Pertanian merupakan satu sektor yang luas dipandang dari segi ekonomi negara. Bukan sahaja sektor ini dapat mengadakan peluang pekerjaan bagi lebih kurang 50% daripada tenaga rakyat kesemuanya tetapi sektor pertanian juga mendatangkan sebahagian besar mata wang luar pendapatan negara pada masa ini.

Oleh itu Kerajaan telah menguntokkan wang sebanyak \$ 1,956 juta untuk perkembangan pertanian dalam Rancangan Malaysia Kedua. Ini berma'ana lebih kurang 27% daripada jumlah peruntukan \$7,250 juta dalam sektor Public adalah bagi perkembangan bidang pertanian dan ini adalah peruntukan yang terbesar sekali berbanding dengan bidang Pengangkutan (16%), Pertahanan (11%) dan Pelajaran (7.4%).

Suka juga saya menegaskan bahawa peruntukan sebanyak \$1,956 juta ini adalah 80% lebih tinggi dari peruntukan yang sama dalam Rancangan Malaysia Pertama. Tidak syak lagi angka-angka ini menunjukkan betapa pentingnya peranan sektor ini dalam Rancangan Pembangunan dimasa-masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Sungguh pun Malaysia kita mempunyai pendapatan negara perkapita yang tinggi di rantau ini tetapi pembahagian pendapatan ini (distribution of income) tidaklah memuaskan. Pendapatan per kapita di sektor pertanian pukol rata adalah lebih rendah dari pendapatan penduduk di bandar-bandar dan di kalangan industri. Sabenarnya kedudukan ini adalah bertambah burokmengingat bahawa didalam sektor pertanian inilah terdapat bilangan terbesar rakyat kita yang miskin dan dha'if kehidupannya.

Didalam Rancangan Malaysia Kedua, semua Jabatan Kerajaan, agensi dan perbadanan berkenaan telah menyediakan projek tertentu untuk membaiki keadaan itu. Saya rasa masanya sudah sampai bagi ke-

semua agensi-agensi ini menilai semula pelaksanaan rancangan-rancangan itu supaya berjalan dengan licin dan sempurna untuk mencapai matlamat memperbaiki kehidupan petani-petani dan nelayan-nelayan serta menghapuskan kemiskinan sama sekali.

Saya mahu semua agensi ini sedar akan tugas masing-masing dan di samping itu memahami tugas-tugas agensi yang lain yang sama bergerak ke arah matlamat itu. Dengan cara ini saya percaya kaum petani dan nelayan tidak lagi akan ketinggalan dan mereka juga dapat menikmati hasil dari rancangan-rancangan pembangunan serta kekayaan negara 'amnya.

Perkembangan Sektor Pertanian adalah berpunca pada petani-petani dan nelayan-nelayan kerana golongan inilah diperingkat permulaan. Secara kasar mereka ini boleh dibahagikan kepada dua jenis - (i) golongan yang progresif dan (ii) golongan yang mengikut aliran tradisi. Golongan pertama itu saya maksudkan petani dan nelayan yang sudah berubah sikap dan telah menerima cara-cara moden. Golongan tradisional pula adalah mereka yang maseh berpegang kepada cara-cara lama dan tidak sanggup menerima perubahan.

Mengikut statistik-statistik yang dikumpulkan, sangatlah dimuskhilkan bahawa golongan kedua itulah yang mengandungi kebanyakan daripada petani-petani dan nelayan-nelayan kita. Oleh sebab itu saya ingin peserta-peserta Seminar ini menumpukan perhatian kepada masalah golongan tradisional ini kerana mereka sentiasa ketinggalan dalam segi pengeluaran dan mereka akan terus tinggal di belakang jika tidak mengubah sikap menurut aliran zaman menggunakan hasil sains dan teknologi.

Saudara-saudara sekalian.

Tujuan Seminar ini ialah untuk mengkaji keadaan yang burok ini dan membuat cadangan-cadangan supaya golongan tradisional itu bersedia dan sanggup mengubah sikap demi kebaikan mereka dan anak cucu mereka. Satu dari caranya ialah memberi maklumat yang cukup supaya meresap ke peringkat yang terke bawah sekali samada memberi maklumat-maklumat atas kegunaan alat-alat moden atau juga kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh Kerajaan sendiri.

Punca kesulitan kaum petani ialah kerana tanah yang mereka miliki biasanya tidak lebih dari satu atau dua ekar bagi satu keluarga. Pengeluaran hasil dari kawasan yang kecil ini lazimnya rendah pula. Keadaan yang sama terdapat di kalangan kaum nelayan. Mereka tidak dapat menambah penangkapan ikan kerana kekurangan modal untuk alat-alat modern, pengalaman dan sebagainya. Adalah mustahak sekali kita berikhtiar menghapuskan punca-punca kesukaran itu supaya kemajuan dapat dinikmati oleh golongan itu.

Kerajaan telah pun membuka beberapa Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan - untuk memindahkan rakyat dari kawasan yang kekurangan tanah untuk pertanian. Beberapa lagi rancangan besar akan dibuka untuk belia sebagai rancangan pinggir. Walau pun rancangan-rancangan ini sedang berjalan, kita perlu memikirkan juga nasib orang-orang yang maseh tinggal di tanah mereka yang luasnya tidak ekonomik - dua atau tiga ekar.

Ini bermakna bahawa maseh ada sebahagian penduduk-penduduk luar bandar yang akan terus menjalankan usaha pertanian secara pekebun-pekebun kecil yang tidak ekonomik. Mereka ini memerlukan bantuan dan saya rasa langkah-langkah tegas hendaklah diambil untuk manggalak mereka menanam tumbuhan-tumbuhan yang sesuai bagi pekebun-pekebun kecil.

Ini adalah tugas utama saudara-saudara mencari jalan menggalakkan petani-petani dalam kawasan yang sama menanam tumbuhan-tumbuhan yang serupa supaya dapat membuat pengeluaran hasil yang

banyak dari daerah itu. Umpamanya menanam tembakau atau kacang atau pun sayur-sayoran. Dengan cara ini, masa'alah mendapatkan pasaran bagi pengeluaran-pengeluaran mereka dapat diatasi dengan lebeh mudah dan memuaskan. Konsep pembangunan daerah bagi satu-satu kawasan perlulah diterangkan dengan tujuan mendapatkan sokongan dan kerjasama rakyat disitu sepenuhnya.

Mengenai nelayan-nelayan pula, kebanyakan mereka adalah menangkap ikan secara perseorangan dengan menggunakan cara-cara lama. Nelayan-nelayan ini hendaklah digalak supaya menubuhkan kumpulan dan seterusnya di ajar menggunakan cara dan teknik moden. Kerajaan telah pun membantu kaum nelayan dalam berbagai lapangan dan menyediakan kemudahan Kilang ayer batu, enjin sangkut dan sebagainya. Akan tetapi usaha mestilah diteruskan untuk meluaskan bantuan itu meliputi semua atau saberapa ramai yang boleh.

Bagaimana pun, usaha Kerajaan membantu orang-orang persaorangan tidaklah bermakna kita boleh menyelesaikan mas'alah itu kesemuanya. Masaalah pengeluaran yang rendah mustahak diatasi segera. Sekarang ini gulongan terbesar dari sektor pertanian khasnya pekebun-pekebun kecil dan nelayan maseh berada dalam keadaan subsistence economy atau kais pagi makan pagi. Keadaan ini hanya boleh diatasi dengan mengubah corak pertanian dan perikanan menjadi unit-unit perusahaan kecil yang boleh mendaftarkan keuntungan. Pendek kata, kebun-kebun dan usaha-usaha perikanan yang kecil itu hendaklah ditukarkan kepada bentuk perdagangan (commercial ventures) dengan keuntungan sebagai tujuan utama.


Disinilah saya fikir saudara-saudara semua yang terlibat dalam pembangunan pertanian mustahak memainkan peranan masing-masing. Kita mestilah berusaha menukarkan sikap atau mental attitude petani-petani dan nelayan-nelayan itu dan menanamkan jiwa "perniagaan" kepada mereka. Langkah-langkah hendaklah juga diambil bagi memudahkan petani-petani dan nelayan-nelayan itu memahami faedah-faedah dari kemajuan sains dan teknologi dalam kerja-kerja mereka menangkap ikan dan kerja-kerja pertanian dan menggalakkan mereka menggunakan teknik-teknik moden. Saya berharap saudara-saudara akan mengambil perhatian berat atas hal ini supaya rancangan masa hadapan benar-benar dapat mencapai tujuan-tujuan kita dengan jayanya.

Saudara-saudara.

Satu lagi langkah untuk menjayakan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah dengan mengadakan perusahaan-perusahaan pertanian (agro-industries) di daerah-daerah luar bandar. Penyelidikan dan kajian hendaklah dibuat bagi menempatkan perusahaan-perusahaan memproses barang-barang pertanian di kawasan-kawasan luar bandar dimana barang-barang mentahnya boleh didapati. Saya sukacita menyatakan bahawa langkah-langkah telah pun berjalan untuk menubuhkan Perusahaan Makanan (Food Industries) secara besar-besaran yang meliputi semua negeri. Apabila dilancarkan kelak, perusahaan ini merupakan punca pekerjaan terbesar serta akan mempesatkan pembangunan perindustrian di kawasan luar bandar pada masa hadapan.

Sebagaimana saya tegaskan dimasa sudah-sudah kejayaan Rancangan Malaysia Kedua merupakan jaminan untuk survival bangsa dan negara yang kita cintai. Matlamat-matlamat rancangan itu terutama pembangunan sektor pertanian hendaklah dicapai sepenuhnya kerana saya percaya bahawa ketenteraman dan kestabilan negara ini bergantung kepada sejauh mana kita dapat meninggikan taraf sosio-ekonomi sektor luar bandar. Saya harap Seminar ini dapat menentukan garis-garis tindakan yang penting untuk dilaksanakan serta merta.

Saya dengan sukacita merasmikan Seminar Perkembangan Sektor Pertanian ini dan mengucapkan selamat berjaya.



Selepas pelancaran Lembaga Pertubuhan Peladang pada 13hb. Ogos, 1973 Allahyarham YAB Tun Perdana Menteri keluar daripada Dewan Tengku Abdul Rahman dengan diiringi oleh YM. Tengku Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang dan Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang.